

05 SEP 2002

Bahasa-Bantahan

PIHAK BANTAH GUNA BAHASA INGGERIS PERLU ADA ALASAN KUAT

TANJUNG MALIM, 5 Sept (Bernama) -- Pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan cadangan penggunaan Bahasa Inggeris bagi matapelajaran Sains dan Matematik perlu memberi alasan-alasan kukuh di samping cadangan lain untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, jika dilihat kerajaan sebenarnya belum lagi menetapkan tarikh sebenar untuk melaksanakan perkara itu walaupun pada dasarnya mereka mahu melaksanakannya mulai tahun depan.

"Kerajaan masih mahu mendengar pandangan orang ramai kerana itu tiada keputusan muktamad bila ia akan dilaksanakan. Kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sememangnya sedia berbincang dan mendengar pandangan orang ramai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keenam, di sini, hari ini.

Oleh itu pihak yang mahu mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Perdana Menteri perlu ikhlas dalam melahirkan pandangan mereka demi kebaikan generasi masa depan dengan segala permasalahan perlu dinyatakan tanpa mengutamakan kepentingan peribadi atau politik.

Muhammad berkata buat masa ini penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik dilihat mampu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar terutama pelajar-pelajar Melayu.

"Apabila kerajaan hendak menghantar pekerja-pekerja Malaysia ke luar negara, masalah sering timbul terutama orang-orang Melayu yang hanya menguasai Bahasa Melayu, tidak dapat berinteraksi dan mewakili negara dengan baik untuk membuat sesuatu tugas.

"Jika tugas di dalam negara pula, mereka mengalami kesukaran untuk berhubung dengan tetamu-tetamu negara. Kelemahan ini yang cuba diperbaiki untuk generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata meskipun Bahasa Melayu mesti dikuasai sebagai bahasa pusaka tetapi rakyat Malaysia mesti ada keupayaan dalam Bahasa Inggeris terutama dalam era globalisasi.

"Banyak negara di Asia kini berusaha mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat mereka dalam era globalisasi. Kerajaan kena ambil tindakan segera kerana negara lain telah ambil tindakan. Kalau kita lambat kita akan ketinggalan.

"Sekarang kita boleh lihat, orang Thailand sudah boleh menguasai Bahasa Thailand dan Bahasa Inggeris begitu juga di Vietnam dan Filipina. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam matapelajaran Sains dan Matematik adalah usaha awal ke arah itu," katanya.

-- BERNAMA

KAY PR